



**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT RISDA JAJAHAN KELANTAN
UTARA, PASIR MAS, KELANTAN**

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERTHORMAT SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD
TAIB, MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DI PEJABAT RISDA JAJAHAN,
PASIR MAS, KELANTAN
28 FEBRUARI 2009
10.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Kelantan

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Kelantan

Yang Berbahagia Dato' Abd. Jabbar bin Che Nai
KSU Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Ketua Pengarah KEMAS, FELCRA, JHEOA

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA

Pegawai Daerah Pasir Mas

Setiausaha-Setiausaha Bahagian KKLW

Pengarah-Pengarah Bahagian RISDA

Pengarah RISDA Negeri Kelantan

Ketua-Ketua Jabatan Kelantan

Pegawai dan Kakitangan RISDA Kelantan, Pekebun-pekebun kecil
serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di Pasir Mas, Kelantan Darul Naim bagi Majlis Perasmian Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara pada hari ini. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan RISDA atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Yang Berhormat Ahli-

4

Ahli Parlimen dan ADUN Negeri Kelantan yang sudi hadir pada hari ini. Juga terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Abd. Jabbar bin Che Nai, Ketua Setiausaha KKLW serta semua Ketua-Ketua Pengarah Agensi di bawah KKLW dan juga Ketua-Ketua Jabatan Negeri Kelantan atas sokongan yang diberikan untuk menjayakan program KKLW, khususnya RISDA. Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua Pekebun Kecil ke Majlis ini yang amat bermakna kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

2.0 SENARIO INDUSTRI GETAH DAN SAWIT NEGARA

Setelah mengalami kejatuhan harga getah dan sawit secara mendadak pada penghujung tahun 2008, pada masakini, harga telah stabil di pasaran pada satu tahap yang tidak merugikan pekebun kecil walaupun pendapatan secara keseluruhan telah berkurangan. Harga SMR 20 pada 25 Februari 2009 adalah RM4.925 sekilogram dan harga Minyak Sawit Mentah (MSM) pada 24 Februari 2009 adalah RM1,880 semetrik tan. Jika harga terus turun lagi, pihak Kerajaan telah bersedia dengan beberapa langkah untuk menangani masalah kejatuhan harga getah dan sawit ini.

3.0 PAKEJ RANGSANGAN

Untuk menangani kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kita masakini, kerajaan telah memperuntukan Pakej Rangsangan RM7 billion sebagai salah satu langkah untuk merangsang ekonomi negara supaya dapat pulih dengan lebih cepat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menerima peruntukan sejumlah RM 1 billion di bawah Pakej Rangsangan ini untuk melaksanakan pelbagai projek di luar bandar. RISDA secara khususnya telah diagihkan sejumlah RM264 juta untuk melaksanakan 8,000 buah rumah dibawah Program Bantuan Rumah dan RM40 juta untuk melaksanakan

7

Projek Prasarana seperti Jalan Pertanian, Jalan Laterite, Crusher Run, Parit, Pembentung dan Jambatan. Semua Projek di bawah Pakej Rangsangan ini perlu disiapkan sebelum bulan Jun 2009 supaya ekonomi dapat dirangsangkan dengan lebih cepat.

4.0 SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA PEKEBUN KECIL

i. Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara

Sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah RISDA tadi, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada RISDA kerana berjaya mewujudkan

8

Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara ini. Dengan adanya Pejabat ini, seramai 34,009 orang pekebun kecil Jajahan Kelantan Utara ini dapat menikmati perkhidmatan yang disediakan oleh RISDA dengan lebih berkesan lagi. Secara prinsipnya, untuk meningkatkan system penyampaian, jarak pejabat dengan pekebun kecil tidak seharusnya melebihi 25 Km. Untuk ini, RISDA telah mewujudkan Pejabat-Pejabat Stesen yang berdekatan dengan pekebun kecil. Dalam Jajahan Kelantan Utara ini, saya difahamkan, sejumlah 6 Pejabat Stesen telah diwujudkan iaitu di Rantau Panjang, Pasir Mas, To' Uban, Ketereh, Pasir Puteh dan Bachok.

ii. Pejabat RISDA Jajahan Gua Musang

Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat Negeri Kelantan, saya telah meminta Dato' Izat, Ketua Pengarah RISDA untuk mewujudkan satu lagi Pejabat RISDA Jajahan iaitu di Gua Musang. InsyaAllah selepas ini, rakyat Negeri Kelantan akan menerima perkhidmatan RISDA secara lebih menyeluruh dan meliputi semua kawasan luar Bandar.

iii. **Pembinaan Stor Baja Pusat**

Perkhidmatan bekalan baja kepada pekebun kecil merupakan satu perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh pekebun kecil. Setakat ini, RISDA telah mewujudkan 48 buah stor baja diseluruh negara untuk membekalkan baja kepada pekebun kecil. Untuk memastikan bekalan baja mencukupi untuk keperluan pekebun kecil dan menepati masa yang diperlukan, saya telah meminta RISDA membina Stor Baja Pusat yang berfungsi sebagai penimbal kepada stor-stor baja yang sedia ada supaya tidak timbul masalah dalam bekalan baja kepada pekebun kecil. Saya difahamkan oleh Ketua Pengarah RISDA bahawa RISDA telah pun mula bertindak

11

ke atas perkara ini dan pada tahun ini, 5 buah Stor Baja Pusat akan di bina iatu di Bukit Perak, Kedah, Sungkai, Perak, Sekijang, Johor, Temerloh, Pahang dan satu lagi adalah di Gading Galoh, Kelantan. Oleh itu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan di Negeri Kelantan ini akan menerima satu lagi projek untuk manfaat pekebun kecil di negeri ini. Saya mengucapkan terima kasih atas tindakan segera oleh RISDA.

iv. **Penggunaan ICT**

Sejajar dengan perkembangan sistem teknologi maklumat terkini, RISDA juga telah mengorak langkah dengan memperluaskan

12

perkhidmatannya kepada pekebun kecil menerusi internet dengan membangunkan sistem e-Tanam Semula yang memudahkan pekebun kecil membuat permohonan menerusi internet. Sistem e-Tanam Semula ini dapat mempercepatkan pemprosesan permohonan Tanam Semula serta mempertingkatkan sistem penyampaian kepada pekebun kecil. Dengan adanya sistem ini juga, pekebun kecil dapat mengetahui status permohonan Tanam Semula secara online. Dengan ini saya menyarankan kepada semua pekebun kecil supaya memanfaatkan sepenuhnya Medan Info Desa (MID) yang ada di kawasan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan melayari Laman Web RISDA untuk berurusan dengan RISDA.

13

5.0 PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Ahli Parlimen, ADUN-ADUN dan Dato' KSU. Juga setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil diseluruh negara dan Negeri Kelantan khususnya untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup yang lebih tinggi. Azam dan

14

kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

Dengan kata-kata ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' merasmikan Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara.

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.